

25 AUG 2002

Merdeka-Agama

SEMANGAT PATRIOTIK MELALUI PROGRAM KEAGAMAAN BULAN KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Upacara keagamaan oleh penganut pelbagai agama di negara ini sempena bulan kemerdekaan bertujuan meningkatkan kesedaran tentang erti kemerdekaan, keharmonian dan saling menghormati antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.

Program anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang bermula semalam menyaksikan sambutan berbeza-beza tetapi mempunyai matlamat yang sama daripada aspek keharmonian dan kemanusiaan sejagat.

Semalam 1,000 penganut agama Buddha mengadakan sambutan itu di Budhist Vihara, Jalan Berhala di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting yang mengingatkan penganut agama itu supaya terus bersatu mengekalkan kemerdekaan dan keharmonian kaum.

Penganut agama Kristian pula menyambut upacara itu dengan melancarkan kempen amal berpuasa dan berdoa selama 40 hari, mulai 21 Julai hingga 29 Ogos ini.

Setiausaha Agung National Evangelical Christian Fellowship Rev Wong Kim Kong berkata para peserta kempen itu akan menyimpan perbelanjaan sarapan pagi dan makan tengah hari mereka untuk diserahkan kepada gereja di kawasan masing-masing.

Tujuannya untuk mengumpulkan wang bagi mengisi empat tabung kebajikan, termasuk tabung kebajikan Palestin dan Afghanistan.

Penganut agama Kristian juga akan mengadakan upacara keagamaan mereka selama tiga hari di empat tempat.

Hari ini majlis diadakan di Gereja St Mary, Dataran Merdeka pukul 9 pagi diikuti di Chinese Evangelical Christian Life Centre, Lorong Hang Jebat dan Confucian Private Secondary School Kuala Lumpur pada 28 Ogos dan di Evangelical Christian Churches, Wisma MCA, Jalan Ampang pada 30 Ogos.

Presiden Majlis Gudwara-Gudwara Malaysia Sardar Sucha Singh berkata ceramah umum sempena upacara keagamaan diadakan hari ini menekankan semangat perpaduan kaum, menghormati agama lain dan menghayati erti kemerdekaan.

"Sebagai rakyat yang tinggal di dalam sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, kita perlu mempunyai semangat perpaduan yang rapat bagi menjamin kesejahteraan negara," katanya.

Seramai 500 penganut agama Sikh menghadiri upacara itu di Gudwara Sikh, Jalan Haji Salleh, Sentul dan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas adalah antara tetamu kehormat.

Malam ini, penganut agama Taoist akan mengadakan upacara keagamaan mereka di Chi Chai Kong Taoist Temple, Selayang Baru.

Penganut agama Islam dan Hindu pula akan memulakan upacara keagamaan masing-masing pada hari Jumaat, 30 Ogos ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Syed Jamalullail akan mengetuai solat Jumaat di Masjid Negara diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sultan, Yang di-Pertua Negeri serta Menteri Besar dan Ketua Menteri akan mengetuai solat Jumaat di negeri masing-masing pada hari yang sama.

Teks khutbah Jumaat dan doa selamat khas kemerdekaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga telah diedarkan.

Bagi penganut agama Hindu, mereka akan memulakan upacara keagamaan

mereka di Kuil Sri Mahamariamman, Jalan Tun H.S. Lee di sini pada 30 Ogos
pukul 8 malam.

-- BERNAMA

LIB AZZ LAT